



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Web:<http://www.pka.gov.my>
Email:pka_admin@pka.gov.my

MS ISO 9001 : 2008 REG. NO: AR3579

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld.3 (2)

Tarikh : 24 November 2020

KEPADA SEMUA PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN

Tuan / Puan,

PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 20/2020

PENGESANAN KES COVID-19 DI PULAU INDAH, PELABUHAN KLANG DAN UJIAN SARINGAN KALI KEDUA

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang telah dimaklumkan, LPK telah mengeluarkan Pekeliling Pengurus Besar No. 19/2000 bertarikh 12 November 2020 berhubung dengan arahan kepada semua pekerja warga asing yang terlibat dalam kerja kerja sampingan (ancillary services) di dalam pelabuhan wajib menjalani saringan COVID-19 dengan kadar segera selewat-lewatnya pada 16 November 2020 dan mengemukakan laporan ujian itu kepada LPK dan terminal-terminal di mana pekerja berkenaan bertugas.

3. Pekerja warga asing yang didapati positif COVID-19 perlu dilaporkan segera kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak LPK. Bagi pekerja warga asing yang didapati negative COVID-19 tetapi tinggal di kawasan rumah kedai Central Spectrum di Jalan Perigi Nenas, Pulau Indah masih perlu menjalani kuarantin wajib selama empat belas (14) hari dan bagi pekerja warga asing yang menetap di luar kawasan rumah kedai Central Spectrum dibenarkan untuk memasuki pelabuhan dan bekerja.

4. Pekerja warga asing yang didapati positif COVID-19 tetapi telah sembuh dan discaj dari hospital perlu menjalani kuarantin wajib selama 14 hari, walaubagaimanapun mereka tidak perlu menjalani ujian saringan Covid-19 untuk kali kedua.

5. Manakala pekerja warga asing yang didapati negatif tetapi tinggal di kawasan rumah kedai Central Spectrum di Pulau Indah dan menjalani kuarantin wajib selama 14 hari perlu menjalani ujian saringan COVID-19 untuk kali kedua pada hari ke tiga belas (13) selepas membuat ujian saringan COVID-19 pada hari pertama sebelum ini. Ujian saringan kali kedua ini boleh dilaksanakan melalui kaedah "Swab Test" (PCR) atau "Antigen Test" (RTK).

6. Tujuan ujian saringan COVID-19 kali kedua adalah bagi memastikan secara jelas bahawa pekerja tersebut adalah bebas dari jangkitan virus COVID-19. Ini adalah juga mengikut arahan dan Prosidur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh KKM.

7. Adalah menjadi tanggungjawab majikan juga untuk memastikan semua pekerja warga asing seperti di atas menjalani ujian saringan COVID-19 untuk kali kedua dan mengemukakan laporan ujian itu kepada LPK dan terminal-terminal di mana pekerja berkenaan bertugas.

8. Majikan juga diingatkan agar memastikan semua pekerja yang terlibat dalam kerja kerja sampingan pelabuhan perlu menjalani saringan COVID-19 sebelum memasuki pelabuhan. Tindakan tegas akan diambil ke atas pihak majikan sekiranya tindakan-tindakan ini tidak dilaksanakan / terdapat sebarang salah nyata.

9. Arahan- arahan ini adalah tambahan kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh KKM yang juga perlu dipatuhi.

10. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dikemukakan terus kepada pegawai-pegawai kanan LPK seperti berikut:

Nama : Supt. Lee Wai Leong
Jawatan : Pengurus (Keselamatan)
No. Tel (Samb) : 03-3168 8211 samb. 3026
No. Tel (DL) : 03-3166 6533
No. Tel (HP) : 012-309 0999
Emel : lee@pka.gov.my

Nama : Tn. Muhamad bin Bahauddin
Jawatan : Pengurus (Bomba)
No. Tel (Samb) : 03-3168 8211 samb. 3057
No. Tel (DL) : 03-3165 0246
No. Tel (HP) : 012-311 5433
Emel : muhamad@pka.gov.my

Nama : Kapt. Azmi bin Maaris
Jawatan : Mg. Pengurus (Gerakan Marin)
No. Tel (Samb) : 03-3168 8211 samb. 3025
No. Tel (DL) : 03-3166 8205
No. Tel (HP) : 012-639 5565
Emel : azmi@pka.gov.my

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang